

# Cuba curi besi penutup longkang, dua sekawan dipenjara 10 bulan

**KUCHING:** Padah cuba mencuri besi penutup lubang longkang di Jalan Tun Razak di sini, dua sekawan dijatuhi hukuman penjara 10 bulan oleh Mahkamah Majistret, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Ling Hui Chuan terhadap Mohd Farithzatul Azli Ramlan, 30, dan Muhammad Ismail Abdul Rani, 24, selepas mereka mengaku bersalah di bawah Seksyen 379/511 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun sama.

Mengikut pertuduhan, dua lelaki tersebut didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 1.30 pagi pada 6 April 2025 di Jalan Tun Razak di sini.

Fakta kes mendedahkan kedua-dua tertuduh ditangkap melakukan kesalahan

itu oleh seorang pengadu dan rakan sekerjanya, yang menjalankan rondaan rutin berhampiran tapak pembinaan di sepanjang Jalan Tun Razak.

Pengadu mendapati mereka sedang memotong kabel lampu jalan di dalam longkang.

Susulan itu, pengadu menahan kedua-dua tertuduh, dan mereka telah ditahan semula di lokasi kejadian setelah laporan polis dibuat.

Semasa tangkapan semula, polis merampas satu gulung kabel lampu jalan, empat keping besi penutup lubang longkang, sebilah gergaji besi dan sebuah motosikal.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim sementara dua sekawan itu tidak diwakili peguam.